




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

23 JANUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 172 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 245,645 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di daerah Papar. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 134 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 237,818 orang. Manakala 642 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 363 orang di hospital, 271 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan lapan (8) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 18 orang merangkumi 17 di ICU/repurposed kritikal *care* serta satu (1) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan tiga (3) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 16 (21.92%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning tujuh (7) daerah.
- Zon Jingga tiga (3) daerah.
- Zon Merah 17 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Jumlah kes harian menurun 46 kes berbanding jumlah semalam. Jumlah hari ini ialah 172 kes.
- b. Jumlah kes harian di kebanyakan daerah adalah stabil dengan tujuh (7) daerah sahaja yang mencatatkan kes baharu dua (2) angka berbanding 9 daerah semalam. Kota Kinabalu mencatat jumlah tertinggi sebanyak 31 kes hari ini tetapi tiga (3) kes lebih rendah daripada bilangan semalam. Papar naik sembilan (9) kes kepada 21 dan Ranau bertambah 14 kepada 21 kes, 14 datang daripada dua (2) kluster yang aktif di daerah tersebut. Tuaran menurun kepada 11 kes sahaja hari ini berbanding 37 kes semalam. Tidak ada kes baharu di 10 daerah.
- c. Terdapat 24 kes baharu daripada lima (5) kluster aktif di Sabah. Kluster penyumbang terbanyak ialah Kluster Jalan Bypass Kologon, Ranau dengan 10 kes positif yang baharu diikuti dengan lima (5) kes daripada Kluster Jalan Pertukangan Sandakan. Satu lagi kluster institusi pendidikan di Ranau, iaitu Kluster Puri merekodkan empat (4) kes positif baharu hari ini.
- d. Jumlah jangkitan yang melibatkan kanak-kanak bawah umur 12 tahun yang belum layak menerima vaksin agak tinggi hari ini, iaitu 32 orang atau 18.6% daripada jumlah kes harian di Sabah. Sekali lagi semua ibu bapa dan pengurusan sekolah diseru mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mempertingkatkan keselamatan anak-anak kecil daripada jangkitan.
- e. Sebanyak 168 daripada 172 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, dan masing-masing satu (1) kes dalam Kategori 3 dan Kategori 4. Terdapat dua (2) kes dalam Kategori 5.
- f. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (78) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	24	13.95%
2	Kontak	78	45.35%
3	Bergejala	59	34.30%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	11	6.39%
JUMLAH		172	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (22 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 22/01/2022	Catatan Kes 23/01/2022	Perbandingan
1	Ranau	7	21	+14
2	Papar	12	21	+9
3	Beaufort	10	19	+9
4	Kota Belud	5	7	+2
5	Kuala Penyu	4	5	+1
6	Lahad Datu	1	2	+1
7	Beluran	0	1	+1
8	Semporna	1	1	Mendatar
3	Nabawan	0	0	Mendatar
10	Kalabakan	0	0	Mendatar
11	Kudat	0	0	Mendatar
12	Pitas	0	0	Mendatar
13	Tongod	0	0	Mendatar
14	Tuaran	37	11	-26
15	Putatan	17	5	-12
16	Tawau	13	3	-10
17	Kota Marudu	13	3	-10
18	Sipitang	6	0	-6
19	Sandakan	21	17	-4
20	Keningau	6	2	-4
21	Kota Kinabalu	34	31	-3
22	Penampang	19	17	-2
23	Kunak	2	0	-2
24	Tenom	7	6	-1
25	Telupid	1	0	-1
26	Tambunan	1	0	-1
27	Kinabatangan	1	0	-1
JUMLAH		218	172	-46

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (9 Januari – 22 Januari)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	19	11	0	1	31	611
Papar	0	7	13	0	1	21	196
Ranau	14	3	1	0	3	21	231
Beaufort	0	12	4	0	3	19	99
Sandakan	5	7	5	0	0	17	222
Penampang	0	9	8	0	0	17	299
Tuaran	0	7	4	0	0	11	300
Kota Belud	0	4	3	0	0	7	125
Tenom	0	3	2	0	1	6	77
Putatan	1	2	2	0	0	5	112
Kuala Penyu	4	1	0	0	0	5	72
Kota Marudu	0	1	2	0	0	3	125
Tawau	0	0	2	0	1	3	86
Keningau	0	1	1	0	0	2	122
Lahad Datu	0	1	1	0	0	2	26
Semporna	0	1	0	0	0	1	8
Beluran	0	0	0	0	1	1	26
Sipitang	0	0	0	0	0	0	47
Kunak	0	0	0	0	0	0	5
Kinabatangan	0	0	0	0	0	0	87
Tambunan	0	0	0	0	0	0	89
Telupid	0	0	0	0	0	0	21
Kudat	0	0	0	0	0	0	18
Pitas	0	0	0	0	0	0	15
Tongod	0	0	0	0	0	0	15
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	6
Nabawan	0	0	0	0	0	0	9
JUMLAH	24	78	59	0	11	172	3,049

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Ranau	Kluster Jalan Bypass Kologon	10
	Kluster Puri Ranau	4
Sandakan	Kluster Jalan Pertukangan	5
Putatan	Kluster Pandan Pandan	1
Kuala Penyu	Kluster Kayul	4
Jumlah		24

6 Tiada kluster baharu direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 3,740 unit

- Hospital 1,143 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,407 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 17.17%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 23 JANUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	172
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
Jumlah	172

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	168
Bukan Malaysia	4
Jumlah	172

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	32
Belum Menerima Vaksin	11
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	115
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	14
Jumlah	172

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	2
1 to 5	11
6 to 11	19
12 to 17	26
18 to 25	20
26 to 59	79
>60	15
Jumlah	172

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 22 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 5,395 orang. Daripada jumlah ini, seramai 5,367 orang adalah penduduk dewasa dan 28 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 22 Januari 2022 adalah seramai 2,453,570 orang. Ini meliputi 2,116,410 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.73% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,409,355 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,096,781 orang atau 76.01% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 337,160 orang atau 77.69% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 312,574 atau 72.02% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **680,005** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 6,865 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 53 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 142 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 38 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Akta Bekalan 1961, Akta JPDS 2002 dan Akta Imigresen 1959/63.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,653 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sepuluh (10) notis dikeluarkan oleh Majlis Daerah Keningau. Tiada kompaun dikeluarkan pada hari ini.
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 479 premis perniagaan dan 6, 321 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 332 Premis Perniagaan melibatkan 138 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan tiga (3) anggota di tiga (3) lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 60 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 87 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.1%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.6%
2	Beluran	98.5%
3	Kinabatangan	98.4%
4	Kudat	98.4%
5	Papar	98.2%
6	Kota Kinabalu	98.2%
7	Semporna	98.2%
8	Sandakan	98.1%
9	Beaufort	98.1%
10	Kota Marudu	98.1%
11	Tenom	98.1%
12	Lahad Datu	98.1%
13	Keningau	98%
14	Sipitang	98%
15	Kota Belud	98%
16	Tuaran	97.9%
17	Tawau	97.9%
18	Penampang	97.9%
19	Ranau	97.8%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II